

MPC(PCD)600-2/1/14 Jld 2

16 Januari 2020

YH Dato' Fadzilla Bin Salleh
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pembangunan)
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Tingkat 2, Blok A, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan, Pahang.

Faks: 09-5163 462

YH Dato',

**JEMPUTAN BAGI KUNJUNGAN DAN PERKONGSIAN AMALAN BAIK
PERATURAN (GRP) NEGERI SARAWAK UNTUK NEGERI PAHANG**

Perkara di atas adalah dengan ini dirujuk.

2. Dalam Rancangan Malaysia ke 11, Inisiatif Bab 8: Transformasi Perkhidmatan di bawah Strategi A2 menekankan kepada semakan peraturan secara komprehensif dan dipanjangkan kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.
3. Untuk makluman, beberapa siri bengkel Amalan Baik Peraturan dan Projek Perintis Negeri Pahang telah pun dilaksanakan termasuk pendrafan peringkat akhir Buku Panduan Amalan Baik Peraturan dan Dasar GRP Negeri Pahang. Mesyuarat bersama YB. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah diadakan pada 4 Mac 2019 bagi membentangkan kemajuan projek GRP Negeri Pahang.
4. Sehubungan dengan itu, satu kunjungan dan perkongsian Amalan Baik Peraturan (GRP) peringkat Negeri Sarawak dicadangkan untuk dilaksanakan dengan tujuan membantu Negeri Pahang dalam pembentukan polisi GRP dan dapat diterapkan dalam proses penggubalan peraturan negeri selain melatih pegawai Kerajaan Negeri Pahang yang terlibat dalam pelaksanaan projek perintis RIA (Analisa Impak Peraturan). Kunjungan dan perbincangan tersebut dijadualkan seperti butiran di bawah:

Tarikh : 30 - 31 Januari 2020 (Khamis-Jumaat)
Tempat : Kuching, Sarawak
Agenda : Seperti di Lampiran 1

5. Kerjasama dipohon agar sekretariat projek GRP Pahang dapat memanjangkan jemputan ini kepada Jabatan dan Agensi yang terlibat bagi menyertai kunjungan tersebut. Pihak kami juga amat berbesar hati sekiranya pihak sekretariat GRP Pahang dapat mengesahkan penyertaan serta mengemukakan senarai penuh penyertaan peserta bengkel ini selewat-lewatnya pada 22 Januari 2020 (Rabu) bagi urusan logistik. Penginapan hotel disediakan oleh pihak MPC kepada peserta. Namun begitu, tiket penerbangan peserta dibiayai oleh Kerajaan Pahang sendiri. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Haslizayanti Othman (019-3764858 /Haslizayanti@mpc.gov.my) atau Pn. Wan Khairunnisa Azmi (018-9107225 /Khairunnisa@mpc.gov.my).

6. Kerjasama YH Dato' berhubung perkara ini amatlah dihargai terutama dalam menjayakan inisiatif ini ke arah memacu dan meningkatkan produktiviti negara.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. DAUD BIN TALIB)

Pengarah

b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

AGENDA

KUNJUNGAN DAN PERKONGSIAN AMALAN BAIK PERATURAN (GRP) NEGERI SARAWAK UNTUK NEGERI PAHANG

Tarikh: 29 – 31 Januari 2020

Tempat: The Waterfront Hotel Kuching, Sarawak

MASA	PERKARA
29 Januari 2020, Rabu	
2.30 petang	Daftar masuk Hotel The Waterfront Hotel Kuching, Sarawak
30 Januari 2020, Khamis	
8.00pg – 9.15pg	- Bertolak dari The Waterfront Hotel Kuching, Sarawak ke Sarawak Biodiversity Centre menaiki bas persiaran. *(peserta berkumpul di lobi hotel)
9.15pg	- Ketibaan para peserta di Sarawak Biodiversity Centre
9.15pg – 12.30tgh	- Welcoming remarks daripada SBC's CEO/COO dan Group Photo - Walkabout tour at SBC's facilities - Ethnobotanical garden - Laboratories – Molecular Biology, Microbiology and Plant Preparation (outside lab) - Traditional Knowledge Documentation Building - Tour at ACF and TK Headhouse - IBRB – Gallery and Natural Product Library
12.30tgh – 2.00ptg	- Makan Tengahari
2.00ptg – 3.00ptg	- Mesyuarat / Perbincangan
3.00ptg – 4.00ptg	- Bertolak dari Sarawak Biodiversity Centre ke The Waterfront Hotel Kuching, Sarawak menaiki bas persiaran.
31 Januari 2020 (Jumaat)	
8.15 pg – 8.45 pg	Bertolak dari The Waterfront Hotel Kuching, Sarawak ke Unit Permodenan Perkhidmatan Negeri (UPPN), Wisma Bapa Malaysia Petra Jaya, Kuching Sarawak menaiki bas persiaran. *(peserta berkumpul di lobi hotel)
8.45 pg – 11.00 pg	- Perkongsian Amalan Baik Pelaksanaan GRP peringkat Negeri Sarawak oleh Unit Pemodenan Perkhidmatan Negeri (UPPN)
11.00 pg – 11.30 pg	- Lunch & Sesi Tamat
11.30 pg – 11.50 tgh	- Bertolak dari UPPN ke The Waterfront Hotel Kuching, Sarawak menaiki bas persiaran. - Daftar keluar Hotel